

Trend pemimpin muda menjadi ketua negara

Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL NAZMI SANNUSI

nazmy@ukm.edu.my
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia



BERITA tentang pelantikan Putera Mahkota baharu Arab Saudi, Mohammad Salman pada usia 32 tahun pasti menjadi topik utama perbincangan dalam kalendar media politik global 2017.

Lebih menarik lagi, baginda yang dikenali melalui akronim MBS dilihat bersikap merendah diri dalam arena politik di negara yang kaya dengan sumber emas hitam itu.

Secara tiba-tiba, baginda popular di peringkat antarabangsa setelah tindakan kontroversinya menahan ramai ahli keluarga diraja kerana rasuah dan penyelewengan.

Sebagai seorang yang berjiwa muda, pelantikan MBS sebagai ketua negara adalah manifestasi usaha reformasi besar-besaran negara itu untuk bergerak seiring dengan negara-negara jiran yang lebih terbuka serta maju.

Apatah lagi usaha negara itu untuk membuka ekonomi dengan rancangan penyenaraian syarikat minyak milik negara tersebut, Saudi Aramco dengan anggaran bernilai AS\$2 trilion (RM8.24 trilion) tahun hadapan.

Landscape

Sejak tahun 2015, landscape politik global telah menghasilkan banyak perubahan baharu yang menarik untuk dilihat.

Antaranya, ramai pemimpin politik muda yang popular dilantik menjadi ketua negara masing-masing.

Terbaru, pelantikan Sebastian Kurz yang baru berusia 31 tahun sebagai Canselor negara Austria pada 20 Oktober lalu dilihat menjadi antara pemimpin negara paling muda di dunia yang dipilih secara demokratik.



TRUDEAU menjadi Perdana Menteri termuda di Kanada.

KURZ diangkat menjadi Canselor negara Austria pada usia 31 tahun.



SALMAN (dua dari kiri) disifatkan sebagai seorang yang berjiwa rakyat.

Walaupun baru lima bulan mengetuai Parti Rakyat Austria, Kurz yang aktif dengan aktiviti rekreasi dan lasak berjaya menggunakan pengaruh media sosial untuk menjalankan aktiviti kempennya, sekali gus berjaya menewaskan calon parti lawan yang lebih senior.

Selain itu, pelantikan Justin Trudeau berusia sekitar 40 tahun sebagai Perdana Menteri Kanada dan Emmanuel Macron yang berusia 38 tahun sebagai Presiden Perancis juga lahir daripada sokongan luar biasa yang diterima daripada generasi muda yang inginkan suara mereka didengar di peringkat atasan atau pembuat keputusan.

Pilihan raya umum New Zealand yang berlangsung pada September lalu juga menyaksikan Jacinta Ardern yang berusia 38 tahun menjadi popular dan diangkat sebagai Perdana Menteri negara itu menggantikan calon pilihan, Bill English yang lebih senior.

Emil Dmitriev, Perdana Menteri Macedonia pula berjaya menduduki kerusi ketua negara itu pada Januari 2017 pada usia 38 tahun.

Tidak kurang juga bagi diktator dari Korea Utara, Kim Jong-un yang dilantik menjadi pemimpin agung negara itu menggantikan mendiang bapanya, Kim Jong-il pada tahun 2010 pada usia sekitar 27 tahun.

Dapat dilihat dengan jelas bahawa kemunculan pemimpin muda yang menjawat jawatan sebagai ketua negara semakin meningkat saban tahun.

Populariti yang diraih oleh calon muda setiap kali pilihan raya berlangsung banyak berkait rapat dengan pengaruh golongan majoriti belia yang memberi sokongan langsung kepada calon muda berbanding yang lebih senior.

Persoalanannya, apakah faktor yang menyumbang kepada fenomena ini?

Sejak tereetus revolusi Arab pada tahun 2011 yang menyaksikan beberapa pemimpin diktator rantau Arab disingkirkan, ramai golongan muda di rantau ini aktif dalam pergerakan politik kepartian.

Bagaimanapun, mereka hanya aktif dalam politik kampus dan aktivis masyarakat tetapi terasing dengan dunia kepimpinan politik arus perdana.

Kebebasan

Dalam satu tinjauan yang dijalankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap 13 ribu golongan belia daripada 186 buah negara, jelas menunjukkan peluang golongan muda untuk menyuarakan pandangan serta masa depan negara adalah terhad.

Akibatnya, suara golongan ini sentiasa dipinggirkan walaupun jumlah populasi mereka mewakili sebahagian besar jumlah penduduk global.

Ia menimbulkan rasa tidak puas hati yang meluas khususnya dalam konteks kebebasan bersuara atau hak asasi.

Ia ditambah lagi dengan kemunculan media sosial yang membolehkan mereka melontarkan pandangan tanpa kawalan undang-undang.

Justeru, tindakan pihak kerajaan dan parti politik dalam negara ini memberikan ruang serta peluang kepada golongan itu mengutarakan pandangan dalam pelbagai saluran boleh disifatkan sebagai satu tindakan bijak.

Ia termasuk dalam soal pembentukan bajet negara, kewujudan parlimen mahasiswa dan pelbagai organisasi bukan kerajaan, sekali gus dapat membawa suara golongan ini untuk membentuk polisi negara.